



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN &amp; PERBANKAN</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI 2143</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>3 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**


1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja dari BAHAGIAN C.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan
  - iii. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.**

1. Yang manakah daripada berikut **BUKAN** sejenis **TAWARAN**?
  - A. Ali bertanya kepada Shima samada mahu membeli kucing Ali atau tidak.
  - B. Barang-barang yang dipamerkan di pasaraya.
  - C. Iklan ganjaran sebanyak RM500 untuk pemulangan seutas rantai emas
  - D. Aminah berjanji untuk menjual keretanya kepada Aishah.
  
2. Elemen Kontrak yang boleh dikuatkuasakan adalah
  - A. Tawaran, Penerimaan, Balasan, Niat dan Injuksi
  - B. Tawaran, Penerimaan, Balasan, Quantum Merit dan Keupayaan.
  - C. Tawaran, Penerimaan, Balasan, Niat dan Ketentuan
  - D. Tawaran, Penerimaan, Balasan dan Remedi.
  
3. Tawaran boleh dibuat dengan cara yang berikut **KECUALI**:
  - A. Shasha memberitahu Siti bahawa beliau mahu menjual keretanya kepada Siti.
  - B. Chan menghantar mesej kepada Noh melalui aplikasi 'Wechat' yang beliau mahu membeli rumah Noh.
  - C. Bidaan di dalam majlis Lelong
  - D. Pameran barangan di rak.
  
4. Untuk menjadikan Tawaran mengikat, Penerimaan mestilah
  - A. Dibuat secara bertulis
  - B. Dibuat tanpa balasan.
  - C. Dibuat secara mutlak dan tanpa bersyarat
  - D. Mesti dikomunikasikan kepada pihak ketiga.

5. Berikut adalah kesan TAWARAN BALAS, **KECUALI**
- A. Ia menolak tawaran asal.
  - B. Ia dianggap tawaran yang baru.
  - C. Tawaran asal dianggap terhapus.
  - D. Tawaran asal masih wujud.
6. Kes menggunakan prinsip balasan lampau ialah
- A. PHANG SWEE KIM V BEH I HOCK
  - B. KEPONG PROSPECTING LTD v A.E.SCHMIDT
  - C. K. MURUGESU v NADARAJAH
  - D. LAU BROTHERS & CO V CHINA PASIFIC NAVIGATION CO LTD
7. Bentuk-bentuk balasan yang boleh dikuatkuasakan adalah
- I Balasan Masa depan
  - II Balasan eksekutori
  - III Balasan tersempurna
  - IV Balasan Lampau
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas.
8. Bee Ruu berjanji dengan isterinya, Mee Rah, untuk menyambut harijadi isterinya di Ungku Mohsin Hotel. Bee Ruu tidak berkewajiban untuk menunaikan janjinya kerana
- A. Tiada perjanjian bertulis antara mereka.
  - B. Tiada apa-apa balasan diberikan di dalam perjanjian tersebut
  - C. Tiada kerelaan bebas
  - D. Tiada niat untuk menjadikannya sebagai sebuah kontrak yang sah di sisi undang-undang

9. Prinsip 'perjanjian yang mana maksudnya tidak pasti, tidak boleh dipastikan adalah batal' dinyatakan di dalam
- A. Seksyen 69
  - B. Seksyen 8
  - C. Seksyen 31
  - D. Seksyen 30
10. Bruce Lii ketika umurnya 19 tahun, telah menjual motorsikalnya kepada Mai dengan harga RM100, ketika beliau mabuk. Kontrak tidak terjadi diantara mereka kerana
- A. Bruce Lii belum dewasa.
  - B. Balasan tidak memadai
  - C. Bruce Lii tidak waras di ketika itu.
  - D. Terma perjanjian tidak jelas
11. Penamatan kontrak melalui kekecewaan akan menyebabkan kontrak itu
- A. Boleh dikuatkuasakan
  - B. Sah
  - C. Batal
  - D. Boleh dibatalkan
12. Injuksi adalah salah satu dari remedi di dalam undang-undang Kontrak, seperti dinyatakan di dalam
- A. Akta Kontrak 1950
  - B. Akta Syarikat 1965
  - C. Akta Injuksi 1940
  - D. Akta Relif Spesifik 1950
13. Berikut adalah rukun-rukun kontrak dalam Islam **KECUALI**
- A. Balasan
  - B. Sighah
  - C. Ikrah
  - D. Ijab dan Qabul

14. Perkara yang **BUKAN** dilarang di dalam membuat kontrak dalam Islam ialah
- A. Riba
  - B. Gharar
  - C. Maisir
  - D. Qardul Hasan
15. Menurut seksyen 2 Akta Sewabeli 1967, barang-barang yang termasuk di dalam Jadual Pertama termasuk
- i. Kenderaan bermotor
  - ii. Lori 3 tan
  - iii. Motosikal
  - iv. Peti Sejuk
- A. i, ii dan iii
  - B. i, iii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv
16. Berikut ialah hak penyewabeli **KECUALI**
- A. Hak menamatkan perjanjian lebih awal
  - B. Hak untuk menyerahkan hak
  - C. Hak untuk menjual barang
  - D. Hak memindahkan barang ke tempat lain
17. Perjanjian sewabeli termasuklah \_\_\_\_\_ barang dengan opsyen \_\_\_\_\_ dan perjanjian untuk membeli barang dengan \_\_\_\_\_
- A. pembelian.....pembaharuan.....ansuran
  - B. jualan.....pemilikan.....ansuran
  - C. sewaan.....pindahmilik.....ansuran
  - D. sewaan.....pembelian.....ansuran

18. Berikut adalah keadaan yang membenarkan jurubank membuat pendedahan ke atas maklumat rahsia pelanggan **KECUALI**
- A. Perintah garnisi daripada institusi berlesen
  - B. Pelanggan yang diisytiharkan bankrap
  - C. Pelanggan atau wakil telah memberikan kebenarannya kepada bank
  - D. Pegawai bank yang pernah mengakses maklumat pelanggannya
19. Tujuan membuat pemalangan cek adalah
- A. Supaya drawer boleh menukarkannya ke dalam bentuk wang dengan mudah melalui kaunter bank
  - B. Supaya drawer boleh mengemukakan cek untuk membuat bayaran kepada orang tertentu (payee)
  - C. Supaya menyukarkan orang yang tidak mempunyai kuasa ke atas cek tersebut daripada menukarkannya ke dalam bentuk wang melalui kaunter bank
  - D. Supaya cek tersebut tidak boleh dipindahmilik
20. Yang manakah di antara berikut menunjukkan bentuk-bentuk perhubungan di antara jurubank dan pelanggan?
- i. Penghutang dan pemiutang
  - ii. Agen dan principal
  - iii. Baili dan bailor
  - iv. Pemegang amanah konstruktif
- A. i, ii dan iii
  - B. i, iii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. Semua di atas

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Apakah perbezaan di antara tawaran dan pelawaan membuat tawaran dan berikan contoh-contoh yang relevan.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Jelaskan secara ringkas kenyataan-kenyataan yang berikut.

- i) Penerimaan tawaran mesti mutlak dan tidak bersyarat.
- ii) Balasan tidak semestinya memadai tetapi mencukupi
- iii) Diam bukanlah satu penerimaan tawaran
- iv) Balasan tidak semestinya datang dari pihak-pihak berkontrak.

(8 markah)

**SOALAN 3**

Berikan **EMPAT (4)** faktor yang menjejaskan kerelaan berkontrak menurut Islam beserta contoh, jika ada.

(8 markah)

**SOALAN 4**

Bincangkan secara ringkas perkara-perkara yang tersebut

- i) Al-Mudharabah
- ii) Al-Rahnu
- iii) Bay' As-Salam
- iv) Bay Al-Istisna'

(8 markah)



**SOALAN 5**

Bagi melindungi kepentingan penyewa sebagai pengguna, Seksyen 9 hingga Seksyen 15 Akta Sewa Beli ada menyediakan hak-hak statutory seorang penyewa di bawah suatu perjanjian sewa beli.

Sila nyatakan **EMPAT (4)** hak yang dimaksudkan beserta seksyen dan kes, jika ada.

(8 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab DUA (2) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

(a) Tini telah kehilangan cincin berliannya yang berharga RM50,000 sewaktu beliau sedang makan tengahari bersama-sama rakannya di Hotel Selesa. Beliau telah menawarkan ganjaran sebanyak RM500 kepada sesiapa yang menjumpai cincinnya dan memulangkannya kepada beliau. Rahmat yang bekerja sebagai pelayan di Hotel telah terjumpa cincin tersebut dan memulangkannya kepada Tini. Walaubagaimanapun, Rahmat hanya mendapat tahu tentang ganjaran tersebut sehari selepas beliau memulangkan cincin tersebut kepada Tini.

Rahmat telah bertanya kepada anda samada beliau berhak untuk menuntut ganjaran tersebut daripada Tini

(10 markah)

(b) "Penerimaan tawaran mesti memenuhi syarat-syarat penerimaan bagi menjadikannya satu kontrak yang sah dan mengikat". Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada Akta Kontrak 1950 dan kes-kes yang berkaitan.

(10 markah)

**SOALAN 2**

"...Surah Al-Maidah, Ayat 1 jelas menyatakan orang-orang beriman perlu menunaikan janji-janji mereka..."

Berdasarkan Seksyen, Kes-kes yang berkaitan, bandingkan di antara undang-undang Kontrak menurut Akta Kontrak 1950 dan Undang-undang Kontrak menurut Islam.

(20 markah)

**SOALAN 3**

- (a) Farhah adalah seorang pemborong Tudung Syria. Rozza, seorang pelajar tingkatan 3, telah menempah 5 helai tudung Syria yang eksklusif dan bergaya dari butik Farhah. Farhah telah menghantar tudung Syria yang dipesan oleh Rozza tetapi Rozza enggan membayarnya kerana kekurangan wang. Nasihatkan Farhah.

(10 markah)

- (b) Apabila Rozza enggan membuat sebarang pembayaran, Farhah menjadi berang dan pergi berjumpa Rozza dengan membawa dua orang pengawal peribadi yang berbadan sasa dan menyebabkan Rozza membayar kepada Farhah bagi pesanan tudungnya. Nasihatkan Rozza.

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

